

# Program bercuti belum berjaya

Oleh Hassan Ahmad

BH 11 AUG 2000

ALOR STAR, Khamis '— Program Cuti-Cuti Malaysia (PCCM) yang dilancarkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sejak lapan bulan lalu, masih gagal menggalakkan penduduk tempatan melancong di negara sendiri.

Berikutan itu, sebuah syarikat dilantik bagi menyediakan pakej pelancongan dalam negeri yang sesuai dengan kemahuan penduduk tempatan termasuk lokasi menarik dan aktiviti yang dijalankan di negara ini.

Menterinya, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata walaupun PCCM masih baru, ia sepatutnya menunjukkan kejayaan mengikut perancangan.

“Kita mahu penduduk bercuti dan melancong di negara sendiri bukan saja bagi mengukuhkan ekonomi malah menjadi satu keperluan hidup,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis peng-

## Sebuah syarikat dilantik menyediakan pakej pelancongan dalam negeri sesuai dengan kemahuan penduduk

kisahan sejarah Che Det dan Pekan Rabu sempena Jualan Mega Pekan Rabu, di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata, syarikat berkenaan akan turut meletakkan Kompleks Pekan Rabu sebagai destinasi pelancongan utama bertaraf antarabangsa dan patut dilawati.

Sementara itu, dua bekas peniaga Pekan Rabu, Osman Abu Bakar dan Ahmad Ariffin serta ahli Perhubungan Sahabat Arkib, Muhammad Ismail Saleh menceritakan sejarah Pekan Rabu dan pembabitan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut menjadi peniaga kecil di situ ketika muda.

Lebih 200 orang, terutama pelajar hadir pada majlis itu. Selepas perasmian

Abdul Kadir melawat Kompleks Pekan Rabu dan gerai pameran sementara oleh Fama, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pertanian.

Abdul Kadir berharap setiap pakej pelancong dari luar negara turut merangkumi lawatan ke Pekan Rabu.

“Kita sudah meminta Jawatankuasa Peniaga Pekan Rabu mendapatkan kepakaran khas bagi merangka pelan kebersihan dan mengindahkan kawasan berkenaan, setaraf kebersihan dan keindahan kompleks perniagaan antarabangsa,” katanya,

Menurutnya, kerajaan akan berusaha menyediakan peruntukan membiayai projek pengindahan itu.